



Pendaftaran : Bil 4128

مؤقراسية وارک فئيدم يقرن ترغغانو برحد

KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD

"ANGGOTA DIDAHULUKAN, KOPERASI DIUTAMAKAN"

Ruj.Kami : KOGURU 01/01/22 -02 Jld 02 (04)

Tarikh : 7 Julai 2019

Kepada,
Semua Anggota
Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad,

Tuan,

PEMBAHAGIAN DIVIDEN TAHUN KEWANGAN 2018

Dengan hormatnya sukacita dimaklumkan, pihak koperasi dengan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah bersetuju untuk mengeluarkan dividen sebanyak 15.5% (10% atas modal syer dan 5.5% atas modal yuran) bagi tahun kewangan 2018 kepada setiap anggota yang layak.

2. Untuk makluman permohonan tuntutan dividen boleh diisi mulai **7 Julai 2019**. Sehubungan dengan itu, tuan/puan yang berhasrat untuk mengeluarkan dividen bolehlah berbuat demikian dengan melengkapkan borang pengeluaran dividen secara individu atau berkumpulan sebagaimana contoh borang yang dilampirkan. Borang tersebut boleh dimuat turun atau diisi secara *online* dengan melayari laman web : www.koguru.net.

3. Tarikh pembayaran adalah seperti berikut:-

DAERAH	TARIKH PEMBAYARAN	TEMPAT
Kemaman (PPD Kemaman)	27 Julai 2019 (Sabtu) (Satu hari sahaja)	Perkarangan PPD Kemaman
Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Marang, Hulu Terengganu, Dungun, Kemaman dan Setiu	28 Julai 2019	KOGURU Terengganu
Besut	3 Ogos 2019	Pejabat KOGURU Cawangan Besut, Kampung Gong Kemuntong, Jerteh

* Tempoh Pembahagian tunai pada atau sebelum **8 Ogos 2019 (Khamis)**. Tuntutan dividen boleh dibuat sehingga **29 Ogos 2019**.

4. Bagi anggota yang jumlah dividen kurang daripada RM50.00 akan dikreditkan terus ke dalam akaun modal yuran simpanan. Anggota Lembaga Koperasi juga memutuskan adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota koperasi untuk membayar zakat berdasarkan jumlah wang simpanan masing-masing.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

" ANGGOTA DIDAHULUKAN, KOPERASI DIUTAMAKAN "

Saya yang menjalankan amanah Anggota Lembaga
KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD.


(SAMSUDIN BIN ISMAIL)
Bendahari Kehormat